

30 APR 2002

Hamid-Waqaf

MENTERI ISLAM BINCANG ISU DAKWAH, USAHA PULIH IMEJ UMAT ISLAM

Oleh: Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Persoalan mengenai usaha meningkatkan imej umat Islam yang terjejas sejak kebelakangan ini ialah antara isu penting yang bakal dibincangkan pada Muktamar Ketujuh Menteri-menteri Waqaf dan Hal Ehwal Islam di sini bermula Isnin ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata tindak-tanduk segelintir orang Islam telah menjurus kepada masyarakat dunia mempunyai tanggapan negatif terhadap agama dan umat Islam.

"Ini adalah semata-mata kerana kesilapan orang Islam itu sendiri yang memperlihatkan tindak-tanduk atau gelagat yang tidak mencerminkan ajaran Islam sebenar sehingga memudahkan orang menghukum Islam sebegitu rupa," katanya kepada Bernama.

Abdul Hamid berkata beliau akan mewakili Malaysia dalam pembentangan satu kertas kerja mengenai pengalaman negara ini dalam soal dakwah Islamiah dan cara ia menangani golongan ekstremis.

Sebanyak lapan kertas kerja akan dibentangkan pada muktamar itu, antaranya mengenai penubuhan yayasan sedunia bagi warisan Islam yang akan disyorkan oleh Mesir, serta strategi am untuk menonjolkan Islam menerusi pelbagai bahasa oleh Maghribi.

Abdul Hamid berkata segala kelemahan yang wujud di kalangan masyarakat Islam termasuk sikap melampau sehingga tidak lagi mencerminkan ajaran Islam itu harus direnung bersama.

"Malaysia, sebagai sebuah negara Islam, juga mempunyai banyak pengalaman dalam perkara ini dan ia wajar dikongsi dengan negara-negara lain," katanya.

Imej umat Islam menjadi begitu tercemar berikutan insiden serangan berani mati terhadap bangunan Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas yang dikaitkan dengan kumpulan Al-Qaeda pimpinan jutawan Arab Saudi Osama bin Laden.

Sejak itu, masyarakat Islam dilaporkan menghadapi tekanan termasuk serangan terhadap masjid dan pusat komuniti mereka di beberapa tempat di dunia dan pemeriksaan imigresen lebih ketat di sesetengah lapangan terbang.

Beberapa negara Islam turut dilaporkan menghadapi kemungkinan serangan ketenteraan oleh Amerika Syarikat seperti yang berlaku di Afghanistan kerana didakwa terlibat dalam aktiviti keganasan.

Abdul Hamid berkata muktamar selama tiga hari itu diharap dapat meningkatkan kerjasama di kalangan negara Islam ke arah mencapai penyelarasan lebih menyeluruh dalam perkara yang berkaitan hal ehwal Islam termasuk soal dakwah Islamiah.

Menurutnya lagi, pendekatan dan strategi dakwah perlu dilihat semula agar ia sesuai dengan perkembangan di zaman moden.

"Forum ini akan merenung perkara itu dengan lebih serius iaitu bagaimana harus dicari satu formula yang lebih berkesan dalam usaha kita menyampaikan dakwah Islamiah di kalangan masyarakat," katanya.

Abdul Hamid berkata muktamar yang akan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu akan turut membincangkan isu ekonomi dan wakil Bank Pembangunan Islam yang berpusat di Jeddah dijangka membentangkan kertas kerja mengenai pelaburan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapatama di hari kedua persidangan.

Beliau menyifatkan kehadiran kedua-dua pemimpin negara itu sebagai melambangkan keprihatinan kerajaan dalam usaha menegakkan syiar Islam di

samping mengangkat martabat umat Islam.

Abdul Hamid berkata pemilihan Malaysia oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sebagai tuan rumah muktamar kali ini merupakan satu penghormatan kepada negara.

Ia mencerminkan keyakinan dunia Islam terhadap kemampuan Malaysia mengendalikan persidangan antarabangsa selaras dengan kemajuan membanggakan yang dicapainya sebagai sebuah negara Islam moden.

"Sebab itulah banyak peserta muktamar begitu berminat untuk menyaksikan dengan lebih dekat negara kita yang kini begitu popular di peringkat antarabangsa terutamanya di kalangan negara Islam," katanya.

-- BERNAMA

MAM MFJ RON